

Kuala Selangor zon selamat

Lapan pusat pemindahan secara rasmi ditutup berikutan air pasang kini mulai surut

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR – Lapan pusat pemindahan banjir di daerah ini secara rasmi ditutup pada jam 3 petang, semalam dan tiada limpahan air di sekitar kawasan penempatan penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, Kuala Selangor berada dalam zon selamat dan lapan pusat pemindahan air pasang mulai surut.

Menurutnya, maklum balas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan maklumat jadual air pasang surut menunjukkan perairan daerah ini berada dalam zon selamat dan lapan pusat pemindahan tidak aktif.

“Bilik gerakan banjir daerah juga akan ditutup mulai jam 5 petang namun kesemua aset menyelamatkan akan diletakkan dalam keadaan bersiap sedia di jabatan masing-masing.

“Kesemua aset itu boleh digerakkan sekiranya diperlukan pada bila-bila masa. Saya juga mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang diberikan semua pihak,” katanya.

Shamsul Shahril Badliza yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, satu mesyuarat post mortem akan diadakan dalam masa terdekat bagi menilai semula tindakan yang dilaksanakan.

“Semua tindakan yang dilaksanakan itu sebagai persediaan menghadapi fenomena air pasang yang diramalkan akan berlaku lagi pada bulan depan.

“Fenomena yang diramalkan akan berlaku lagi pada bulan depan iaitu pada awal bulan setinggi 5.1 meter dan pertengahan bulan setinggi 5.6 meter.

“Saya juga menasihatkan pen-



Persediaan awal penduduk Bagan Sungai Janggut menghadapi fenomena air pasang gelombang kedua.

duduk supaya sentiasa bersiap sedia dan membuat persiapan seperti bulan ini untuk menghadapi fenomena air pasang pada bulan depan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Bagan Sungai Janggut, Tham Tian Hock berkata, gelombang kedua air pasang kali ini terkawal berbanding sebulan lalu.

“Kebanyakan penduduk sudah bersedia berdepan gelombang kedua air pasang itu kerana masa gelombang pertama pada pertengahan



TIAN HOCK

bina benteng simen di kawasan rumah mereka.

“Mungkin persediaan ini banyak bantu mereka sentiasa beringat kerana banyak barang elektrik yang rosak pada gelombang pertama dulu...jadi tak mahu tanggung kerugian lagi, mereka lebih berhati-hati,” katanya.

bulan lepas, mereka tak menjangkakan air laut boleh naik sehingga melimpah masuk dalam rumah.

“Sebab tu, bagi gelombang kedua ini penduduk lebih bersedia dengan pelbagai inisiatif sendiri tak kira meletakkan tong, rangka kereta, papan atau mem-


Kalendar air pasang surut jadi panduan kaki pancing

BAGI seorang kaki pancing, Ariffin Gahlan, 50, berkata, kalendar air pasang surut sentiasa menjadi panduan kaki pancing dan nelayan untuk membuat persediaan turut ke laut.

“Kalendar kecil yang mudah dibawa ke mana-mana itu menjadi panduan untuknya merancang ke laut selain petanda alam semula jadi seperti bunyi kicauan burung dan angin kuat.

“Pengalaman sepanjang memancing dan berkawan dengan nelayan banyak bagi faedah kepada pakcik untuk turun ke laut cari ikan...kalau ada petanda tak elok tu, memang

“Lagipun pakcik suka-suka cari ikan untuk lauk isteri dan anak-anak...nak beli mahal. Jadi pakcik lebih suka cari ikan sendiri di laut dan kadang-kadang sewa bot ke Pulau Angsa dan Pulau Jemur.” - Ariffin



Ariffin menunjukkan kalendar air pasang surut menjadi panduan untuk turun ke laut.

pakcik tak turun.

“Lagipun pakcik suka-suka cari ikan untuk lauk isteri dan anak-anak...nak beli mahal. Jadi pakcik lebih suka cari ikan sendiri di laut dan kadang-kadang sewa bot ke Pulau Angsa dan Pulau Jemur.

“Kalau musim air pasang, pakcik lebih suka jala tepi pantai saja tapi kena tengok keadaan air juga...kalau ombak kuat, pakcik tak menjala. Tapi musim air pasang pun beri rezeki siput sedut dan ketam kepada orang kampung,” katanya.



Penduduk Bagan Sungai Janggut menunjukkan air laut kini mulai surut.